



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH DAN SARAWAK

2023



ISI KANDUNGAN

PENGENALAN.....	3
LATAR BELAKANG	3
VISI	3
MISI	3
OBJEKTIF	3
TERAS STRATEGI	4
BIDANG KUASA DAN FUNGSI	4
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH	6
PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah	7
PERUTUSAN Setiausaha Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah	8
STRUKTUR ORGANISASI ANGGOTA LPKP SABAH	10
PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH	11
1. PRESTASI.....	12
1.1 PRESTASI KEWANGAN	12
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	14
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	15
1.4 PERMOHONAN LESEN	15
1.5 RAYUAN.....	17
1.6 CETAKAN LESEN	17
1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	17
1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2023.....	19
LAMPIRAN.....	20
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK.....	35

PERUTUSAN SETIAUSAHA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK	36
MAKLUMAT AHLI LEMBAGA	37
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK BAGI TAHUN 2023	37
PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK	39
1. PRESTASI	40
1.1. PRESTASI KEWANGAN	40
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	42
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	44
1.4 PERMOHONAN LESEN	44
1.5 RAYUAN	50
1.6 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	50
1.7 PENAMBAHBAIKAN DASAR-DASAR, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN 2023	52
LAMPIRAN	56

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta LPKP 1987 (Akta 334) bertujuan untuk melaksana dan menguatkuasa akta tersebut serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) setelah diserahkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ibu pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu**, manakala dua (2) pejabat cawangan terletak di **Tawau** dan **Sandakan**.

Ibu pejabat LPKP Sarawak pula terletak di **Kuching**, LPKP Sarawak turut mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu (Zon Utara) di **Miri** dan (Zon Tengah) di **Sibu**.

VISI

LPKP SABAH

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Yang Progresif Dan Efisien”

LPKP SARAWAK

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

LPKP SABAH

“Memperkasa Kawalselia Kenderaan Perdagangan Yang Sistemik, Bersepadu, Selamat dan Berintegriti”

LPKP SARAWAK

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

OBJEKTIF

- Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan;

- Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan;
- Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP;
- Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan;
- Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa;
- menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan;
- Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan;
- Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam.

TERAS STRATEGI

- Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini;
- Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP;
- Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna;
- Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) adalah seperti berikut;

- Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baharu, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak masing-masing;

- Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) serta kaedah-kaedah yang diperbuat dibawahnya serta undang-undang lain yang berkuat kuasa;
- Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- LPKP Sabah: mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- LPKP Sarawak: melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenarkan beroperasi di Sarawak;
- Membuat kajian laluan baharu sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;
- Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya yang ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia kerana telah melantik saya sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) berkuatkuasa 7 Jun 2023.

Selepas dilantik sebagai Pengerusi LPKP Sabah, saya telah mengadakan beberapa siri libat urus dengan para pemegang taruh yang terlibat dengan industri kenderaan perdagangan di Sabah bagi mendalami hal-hal yang melibatkan industri berkaitan.

Pada masa yang sama, saya juga telah mendapatkan input daripada jabatan / agensi Kementerian Pengangkutan Malaysia di Sabah bagi mendapatkan pandangan dalam merangka hala tuju sistem pengangkutan awam darat di Sabah agar ianya dapat dinikmati oleh pemain industri dan rakyat secara keseluruhan.

Selaras dengan hala tuju Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk meningkatkan kadar keselamatan jalan raya di negara ini, LPKP Sabah telah mula menguatkuasakan peraturan mewajibkan pemasangan alat Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) pada kenderaan perdagangan secara berperingkat pada tahun 2023.

Selain itu, permohonan lesen secara atas talian (i-SPKP) telah diperkenalkan yang mana ini juga selaras dengan hala tuju kementerian untuk menjadikan perkhidmatan permohonan lesen lebih efisien.

Seterusnya, LPKP Sabah kini dalam proses akhir untuk menjadikan operasi perkhidmatan bas berhenti-henti di Kota Kinabalu dan kawasan berhampiran lebih sistematik dan efisien menerusi Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (Stage Bus Service Transformation – SBST) / MyBas.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh di atas sumbangan selama tempoh berkhidmat di dalam Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah.

Saya juga ingin merakamkan tahniah dan selamat datang kepada Anggota Lembaga yang baharu dilantik dan berharap agar idea bernas bersama semua akan dapat merangka dan membawa hala tuju sistem pengangkutan awam darat dan kenderaan perdagangan dapat dinikmati oleh semua selaras dengan visi dan misi LPKP Sabah dan Kementerian Pengangkutan secara keseluruhan.

Akhir sekali, syabas dan tahniah di atas penerbitan Buku Laporan Tahun 2023, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak.

**YANG BEHORMAT VIVIAN WONG SHIR YEE
Pengerusi
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
MERANGKAP AHLI PARLIMEN SANDAKAN**

PERUTUSAN SETIAUSAHA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

Salam Sejahtera dan Salam Madani,

Pertama sekali, saya merakamkan kesyukuran dan mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada warga LPKP Sabah kerana telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan bagi tahun 2023.

Tujuan penerbitan Buku Laporan Tahunan ini amat penting agar kita dapat melihat sejauh mana pencapaian oleh LPKP Sabah pada tahun 2023 dan seterusnya merangka hala tuju LPKP Sabah agar ianya selari dengan kehendak dan keperluan semasa serta selari dengan aspirasi Malaysia Madani.

Jumlah kutipan hasil LPKP Sabah bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM 4,007,529.56 berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM 4,730,128.25. Antara faktor yang menyebabkan penurunan hasil tahun semasa ini adalah disebabkan oleh perubahan beberapa dasar dan peraturan, khususnya dari segi pengurangan tempoh lesen daripada lima kepada tiga tahun bermula tahun 2023.

Jumlah permohonan lesen secara keseluruhan juga menunjukkan penurunan sebanyak 31 peratus iaitu sebanyak 12,369 permohonan pada tahun 2023 berbanding 19,314 permohonan pada tahun 2022.

Menuju ke hadapan, LPKP Sabah dijangka akan melaksanakan program Program Tranformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) bermula di Kota Kinabalu dan daerah berhampiran pada tahun 2024 bagi memastikan sistem pengangkutan awam di daerah terbabit akan lebih efisien.

Selain itu, LPKP Sabah juga dijangka menggunakan sepenuhnya sistem permohonan lesen secara atas talian (iSPKP) bagi menggantikan (eSPKP) yang mana menerusi sistem baharu ini, proses permohonan akan lebih memudahkan orang awam untuk membuat permohonan dengan lebih efisien.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Pengerusi LPKP Sabah, Yang Berhormat Vivian Wong Shir Yee serta seluruh Anggota Lembaga LPKP Sabah di atas sumbangan dan idea kreatif dalam menambah baik dasar-dasar yang sedia ada serta dasar-dasar baharu yang diperkenalkan.

Akhir kata, segala usaha yang telah dilaksanakan dan kejayaan yang telah diperolehi dan dicapai adalah hasil kerjasama yang diberikan oleh semua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga LPKP Sabah yang telah memberikan komitmen dalam memastikan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2023 dapat dilaksanakan.

DAIRIN UNSIR

PENGARAH / SETIAUSAHA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



ANGGOTA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
TAHUN 2023



Y.B. Vivian Wong Shir Yee
Pengerusi



Y.Bhg. Datuk Musa Sulaiman
Timbalan Pengerusi



Dairin Unsir
Setiausaha



Supt Mohd Zamzuri Bin Mohd Isa
Ahli



Wan Mohd Ashraf Bin Wan Salleh
Ahli



Mohamad Haris Bin Ali
Ahli



ASP Daniel Dominic
Ahli Silih Ganti



Tuan Mohd Rafie Bin Haji Isa
Ahli Silih Ganti



Burhan Nuddin Bin Mahmuddin
Ahli Silih Ganti

STRUKTUR ORGANISASI ANGGOTA LPKP SABAH

Seksyen 5 Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) menetapkan bahawa anggota LPKP Sabah hendaklah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan Malaysia iaitu:-

- i) Pengerusi;
- ii) Timbalan Pengerusi;
- iii) Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- iv) Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- v) Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- vi) Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Ahli Lembaga LPKP Sabah bagi tahun 2023 adalah seperti di **Lampiran A**.

Keputusan berhubung pemberian lesen dan dasar-dasar dipertanggungjawabkan kepada Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Menteri. Operasi harian dan fungsi LPKP Sabah berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pelesenan, polisi, undang-undang serta komunikasi korporat dilaksanakan oleh organisasi yang diketuai oleh seorang Pengarah selaku Ketua Jabatan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah, dua orang Penolong Pengarah, seorang Penasihat Undang-Undang serta seorang Ketua Unit Komunikasi Korporat. Carta organisasi LPKP Sabah adalah seperti di **Lampiran B**.

PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH

LPKP Sabah berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut ;

JENIS PERMOHONAN	PIAGAM PELANGGAN
Permohonan Baharu	30 hari bekerja
Permohonan Membaharui	7 hari bekerja
Ubah Syarat • Pertimbangan Lembaga • Pertimbangan Urusetia	30 hari bekerja 7 hari bekerja
Permohonan Semula	7 hari bekerja
Permohonan Lesen Asal	3 hari bekerja

1. PRESTASI

1.1 PRESTASI KEWANGAN

1.1.1 HASIL

Jumlah kutipan hasil LPKP Sabah bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM4,007,529.56

- a. Perbandingan hasil dalam tempoh 5 tahun (2019 - 2023) adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1



1.1.2 PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

- (i) Jumlah peruntukan yang diterima LPKP Sabah bagi tahun 2023 di bawah Belanja Mengurus dan Program Khusus (B28) adalah sebanyak RM5,206,500.51. Peruntukan diterima di bawah Belanja Pembangunan (P28) adalah sebanyak RM4,773,330.61 bagi Dana Bantuan Bas henti-Henti (*ISBSF*) yang telah dikelaskan semula di bawah Belanja Pembangunan pada tahun 2023. Selain itu, LPKP Sabah juga telah menerima sebanyak RM37,572.90 peruntukan di bawah Vot B11 bagi bayaran penebusan awal GCR yang diumumkan Kerajaan semasa

Pembentangan Belanjawan 2023, 7 Oktober 2022. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima bagi ketiga-tiga Vot B11, B28 dan P28 adalah sebanyak RM10,017,404.02

- a. Perbandingan Peruntukan dalam tempoh 5 tahun (2019 - 2023) adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2



- (ii) Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2023 di bawah Belanja Mengurus dan Program Khusus (B28) adalah sebanyak RM5,206,500.51 dan RM4,773,330.61 di bawah Belanja Pembangunan (P28) bagi Dana Bantuan Bas henti-Henti (*ISBSF*). Peruntukan di bawah Vot B11 bagi bayaran penebusan awal GCR telah dibelanjakan sebanyak RM37,572.90. Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi ketiga-tiga Vot B11, B28 dan P28 adalah sebanyak RM10,017,404.02

- a. Perbandingan Perbelanjaan dalam tempoh 5 tahun (2019 - 2023) adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3



1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

1.2.1 PRESTASI PERUNTUKAN

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2019 sehingga 2023 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia sebanyak RM56,489,520.24 secara keseluruhannya. Perbandingan jumlah peruntukan yang ketara bagi tahun 2021 & 2022 adalah disebabkan pada tahun 2021 LPKP Sabah telah menerima Dana Khas Belanja Pembangunan (P99) yang merangkumi Dana Bantuan Khas Pemandu Teksi, Bantuan Khas Pemandu Bas Sekolah, Bantuan Khas Bas Pelancong dan Bantuan Khas Pemandu E-Hailing. Kenaikan 10% jumlah peruntukan bagi tahun 2023 berbanding 2022 adalah bagi keperluan Belanja Mengurus semasa. Tiada pertambahan peruntukan lain samada daripada program khusus atau belanja pembangunan.

1.2.2 PRESTASI PERBELANJAAN

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2019 sehingga 2023 jumlah perbelanjaan terkumpul Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) adalah sebanyak RM56,171,909.43. Peratus Prestasi Perbelanjaan pada tahun 2023 adalah 100% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM10,017,404.02 daripada keseluruhan peruntukan yang diterima.

1.2.3 PRESTASI KUTIPAN HASIL

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2019 sehingga 2023 jumlah kutipan hasil Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) adalah sebanyak RM19,232,691.81 secara keseluruhannya. Berlaku penurunan hasil sebanyak 16% bagi perbandingan hasil tahun 2022 & 2023. Ini adalah disebabkan faktor perubahan dasar dan pekeliling baharu yang melibatkan kadar serta tempoh lesen yang dikuatkuasakan.

1.2.4 ASET YANG DIGUNAKAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah mempunyai harta modal bernilai tinggi yang didaftarkan iaitu lapen unit kenderaan Jabatan (termasuk tiga unit yang telah dilupuskan).

1.2.5 PUNCA - PUNCA KEWANGAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah merupakan agensi penuh badan kerajaan persekutuan dan menerima waran peruntukan tahunan daripada Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Belanja Mengurus Kementerian Pengangkutan (B28).

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

Jumlah Mesyuarat Lembaga bagi tahun 2023 adalah sebanyak sembilan kali. Butiran rekod mesyuarat adalah seperti di **Lampiran C**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sabah telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubahsyarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) seperti berikut:

1.4.1 Permohonan Baharu

Sebanyak **3578** permohonan dibawa ke Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah bagi pertimbangan kelulusan untuk tahun 2023 berbanding **5185** pada tahun 2022, iaitu penurunan sebanyak **31 peratus**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **3179** permohonan diluluskan pada tahun 2023

berbanding sebanyak **4482** permohonan diluluskan pada 2022. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

1.4.2 Membaharui Lesen

Pada tahun 2023, bilangan permohonan membaharui lesen diterima adalah sebanyak **5483** iaitu penurunan sebanyak **43.5 peratus** berbanding dengan **9708** permohonan bagi tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, **4827** permohonan telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan pada tahun 2023 berbanding **7994** permohonan pada tahun 2022. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

1.4.3 Ubah Syarat Lesen

Permohonan ubahsyarat lesen pada tahun 2023 adalah berjumlah **3308** berbanding **4421** pada tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak **25.1 peratus**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2958** permohonan ubahsyarat lesen telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan bagi tahun 2023 berbanding sebanyak **3901** permohonan bagi tahun 2022. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

Ringkasan maklumat berkenaan permohonan dan kelulusan lesen sepanjang tahun 2023 dan perbandingan dengan tahun 2022 berdasarkan Piagam Pelanggan LPKP Sabah adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4

JENIS PERMOHONAN	2022		2023	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	5185	4482	3578	3179
Membaharui	9708	7994	5483	4827
Ubah Syarat	4421	3901	3308	2958
JUMLAH	19,314	16,377	12,369	10,964

1.5 RAYUAN

Di bawah Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri Persekutuan. Tiada rayuan kepada pembatalan lesen diterima pada tahun 2023.

1.6 CETAKAN LESEN

Sepanjang tahun 2023, LPKP Sabah telah mendaftarkan sebanyak **2012** unit lesen baru. Jumlah unit lesen yang didaftarkan meningkat sebanyak **211** unit atau **18.9 peratus** berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak **1801**. Setiap unit lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan.

1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga 31 Disember 2023, lesen aktif yang kini berdaftar di LPKP Sabah adalah sebanyak **34,567** lesen dengan pecahan seperti pada Jadual 5;

Jadual 5

KENDERAAN BARANGAN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
	Lesen Pembawa A	20,910
	Lesen Pembawa C	6,157
	JUMLAH	27,067
KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
	Bas Berhenti-henti (BB)	1,287
	Bas Carter (BC)	97
	Bas Ekspres (BE)	176
	Bas Mini (BM)	539
	Bas Pekerja (BJ)	28
	Bas Pengantara (BF)	2
	Bas Sekolah (BS)	613
	JUMLAH	2,742
	Kereta Sewa (TS)	1,040
	Kereta Sewa & Pandu	2,244
	Teksi Bandar (TX)	1,118
	Teksi Luar Bandar	86
	Teksi Lapangan Terbang (TT)	189
	Teksi Limousin (TL)	81
	JUMLAH	4,758
	JUMLAH KESELURUHAN	34,567

Jumlah Lesen Aktif Bagi Kenderaan Barangan dan Kenderaan Pengangkutan Awam di Sabah sehingga 31 Disember 2023

1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2023

Bagi menambahbaik dan memantapkan dasar dan peraturan, LPKP Sabah telah mengeluarkan pekeliling pada tahun 2023 seperti berikut;

Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Tahun 2023 :

- i. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 1 Tahun 2023 – Pemasangan Sistem Kedudukan Sejagat (Global Positioning System – GPS)
- ii. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 2 Tahun 2023 – Pengesahan Alamat Bagi Sebarang Permohonan (**DIMANSUHKAN**)
- iii. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 3 Tahun 2023 – Pengelasan Semula Teksi Di Wilayah Persekutuan Labuan Daripada Teksi Bandar (TX) Kepada Teksi Luar Bandar (TQ)
- iv. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 4 Tahun 2023 – Kewajiban Penggunaan Sistem Mesin Tiket Elektronik / Sistem E-Tiket
- v. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 5 Tahun 2023 – Penangguhan Kewajiban Pemasangan GPS Fasa 2 dan Kewajiban Pengeluaran Tiket
- vi. Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 6 Tahun 2023 – Tempoh Kelulusan Pembaharuan Lesen

Surat Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Tahun 2023

- Tiada Surat Pekeliling dikeluarkan bagi tahun 2023.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

**SENARAI AHLI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 2023**


BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	7 Jun 2023	6 Jun 2026
2	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	14 Jun 2023	13 Jun 2026
3	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	14 Jun 2023	13 Jun 2026
4	Encik Arfian Julian Setiausaha Ganti / Ketua Penolong Pengarah	14 Jun 2023	13 Jun 2026
5	Tuan Supt. Mohd Zamzuri Mohd Isa Ahli	1 Ogos 2020	31 Julai 2023
6	Encik Wan Mohd Asraf Wan Salleh Ahli / Kementerian Pengangkutan Malaysia	14 Februari 2022	13 Februari 2025
7	Tuan Mohd Harris Ali Ahli . Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	7 Julai 2023	6 Julai 2026

**SENARAI AHLI SILIH GANTI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 2023**

BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1	Tuan Mohd Rafie Isa Ahli Silih Ganti / Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	20 September 2021	19 September 2024
2	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / Polis	15 Februari 2021	14 Februari 2024
3	Encik Burhan Nuddin Mahmuddin	29 Julai 2020	28 Julai 2023

LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH TAHUN 2023



**RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK						
1	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
2	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
3	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/44	Pengurusan dan Profesional	5	5	0
4	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (JS)	M41/44	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
JUMLAH				8	8	0

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM PERKHIDMATAN SOSIAL						
1	Pegawai Penerangan	S41/44	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
2	Pegawai Penerangan (JS)	S41/44	Pengurusan dan Profesional	1	0	1
3	Pembantu Penerangan (JS)	S22/26	Sokongan	1	1	0
JUMLAH				3	2	1

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN						
1	Pegawai Undang-Undang	L41/44	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
2	Pegawai Undang-Undang (JS)	S41/44	Pengurusan dan Profesional	1	0	1
JUMLAH				2	1	1

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM PERKHIDMATAN KEWANGAN						
1	Penolong Akauntan	W32/36	Sokongan	1	1	0
2	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22/26	Sokongan	1	1	0
3	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/22	Sokongan	3	3	0
4	Pembantu Tadbir (Kewangan) (JS)	W19/22	Sokongan	1	1	0
JUMLAH				6	6	0

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM TEKNOLOGI MAKLUMAT						
1	Pegawai Teknologi Maklumat (JS)	F41/44	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
2	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32/38	Sokongan	1	1	0
3	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/32	Sokongan	1	1	0
4	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (JS)	FA29/32	Sokongan	1	1	0
JUMLAH				4	4	0

BIL	SKIM PERJAWATAN	GRED	KATEGORI PERJAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
SKIM PENTADBIRAN DAN SOKONGAN						
1	Penolong Pegawai Tadbir	N32/36	Sokongan	3	3	0
2	Penolong Pegawai Tadbir	N29/32/36	Sokongan	2	2	0
3	Penolong Pegawai Tadbir (JS)	N29/32/36	Sokongan	1	0	1
4	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19/22/30	Sokongan	1	1	0
5	Pembantu Tadbir (P/O)	N22/26	Sokongan	5	5	0
6	Pembantu Tadbir (P/O) (JS)	N22/26	Sokongan	2	1	1
7	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/22/26	Sokongan	27	26	1
8	Pembantu Tadbir (P/O) (JS)	N19/22/26	Sokongan	3	1	2
9	Pembantu Tadbir (P/O) KUP	N19/22/26	Sokongan	1	1	0
10	Pembantu Operasi KUP	N11/14	Sokongan	1	0	1
11	Pembantu Operasi	N11/14	Sokongan	1	1	0
12	Pemandu Kenderaan	H11/14	Sokongan	4	4	0
JUMLAH				51	45	6

JUMLAH KESELURUHAN				74	66	8
---------------------------	--	--	--	-----------	-----------	----------

LAMPIRAN C

SIRI MESYUARAT LEMBAGA LPKP SABAH TAHUN 2023

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 1 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman Mohd Zakaria Pengerusi	27 Februari 2023
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Burhan Nuddin Mahmuddin Ahli Silih Ganti / Kementerian Kerja Raya Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M. Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Nurfazana Admin LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nurhidayah Idris Urus Setia	
	Puan Norhajjah Awal Daluddin Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 2 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahman Mohd Zakaria Pengerusi	21 Mac 2023
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Burhan Nuddin Mahmuddin Ahli Silih Ganti / Kementerian Kerja Raya Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M. Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Puan Nurfazana Admin LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nurhidayah Idris Urus Setia	
	Puan Norhajjah Awal Daluddin Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 3 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	16 Jun 2023
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Burhan Nuddin Mahmuddin Ahli Silih Ganti / Kementerian Kerja Raya Sabah	
	Tuan Mohd Rafie Isa Ahli Silih Ganti / Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M. Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nurhidayah Idris Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Puan Suzilah Sarioh Urus Setia	
	Encik Louis Lojime Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 4 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	18 Julai 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Burhan Nuddin Mahmuddin Ahli Silih Ganti / Kementerian Kerja Raya Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M. Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nurhidayah Idris Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Puan Suzilah Sarioh Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 5 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat Board Room 1 Hotel Pavilion, Sandakan	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	21 Ogos 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Wan Mohd Asraf Wan Salleh Ahli / Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M. Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Rafidah Abdullah LPKP Sabah	
	Encik Mohamad Arif Sakka LPKP Sabah	
	Encik Marklin Brunei LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Puan Suzilah Sarioh Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 6 Tahun 2023 Bilik Conference Hotel MB, Tawau	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	25 September 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Tuan Mohd Rafie Isa Ahli Silih Ganti / Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Raymond Graman Dusi Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Puan Rafidah Abdullah LPKP Sabah	
	Encik Mohamad Arif Sakka LPKP Sabah	
	Encik Marklin Brunei LPKP Sabah	
	Puan Nur Farzana Admin LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Puan Suzilah Sarioh Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 7 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat Hotel Lazenda W.P. Labuan	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	27 Oktober 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Tuan Mohd Rafie Isa Ahli Silih Ganti / Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Encik R.M.Luqman R.M. Mohamed LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Encik Marklin Brunei LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Suzila Sarioh Urus Setia	
	Encik Louis Lojime Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 8 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	1 Disember 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Encik Wan Mohd Asraf Haji Salleh Ahli / Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Tuan Haji Mohd Harris Isa Ahli / Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Puan Nur Farzana Admin LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nurhidayah Dris Urus Setia	
	Puan Suzila Sarioh Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Encik Louis Lojime Urus Setia	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 9 Tahun 2023 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu (Atas Talian)	Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee Pengerusi	22 Disember 2023
	Yang Berbahagia Datuk Musa Sulaiman Timbalan Pengerusi	
	Encik Dairin Unsir Setiausaha / Pengarah LPKP Sabah	
	Tuan ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti / IPK Kepayan	
	Encik Mohamad Syakir Abu Bakar Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia	
	Encik Arfian Julian LPKP Sabah	
	Puan Dorine Patrick LPKP Sabah	
	Puan Nur Farzana Admin LPKP Sabah	
	Encik Judy Apok Urus Setia	
	Puan Nur Qaisara Lim Abdullah Urus Setia	
	Encik Louis Lojime Urus Setia	

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH

Ibu Pejabat, Kota Kinabalu

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Tingkat 4, Blok C dan D
Bangunan KWSP
49, Jalan Karamunsing
88000 Kota Kinabalu, Sabah
<http://www.lpkpsabah.gov.my>

Tel: 088- 238244/245
Faks: 088- 238144

Cawangan Sandakan

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Sandakan
Blok A4, Lot 10, Bandar Labuk Jaya
Batu 7, Jalan Labuk
Peti Surat 3630
90740 Sandakan

Tel: 089- 238244
Faks: 089- 238245

Cawangan Tawau

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Tawau
TB 4506, Blok D
Pusat Komersial Ba Zhong
Peti Surat No.62124
91031 Tawau

Tel : 089-759987
Faks : 089-759976

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK



PERUTUSAN SETIAUSAHA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran di atas penerbitan Laporan Tahunan LPKP Sarawak bagi tahun 2023. Buku ini memaparkan pencapaian LPKP Sarawak sepanjang tahun 2023 dan seterusnya akan dijadikan garis panduan dalam penambahbaikan prestasi tahunan pada tahun-tahun mendatang.

Sepanjang tahun 2023, jumlah kutipan hasil LPKP Sarawak memperlihatkan peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 38.76% iaitu RM 3,470,202.40 berbanding tahun 2022 sebanyak RM 2,500,915.99.

Manakala jumlah permohonan lesen yang diterima oleh LPKP Sarawak pada tahun 2023 turut menyaksikan peningkatan 27.6% iaitu sebanyak 29,275 permohonan berbanding 22,951 dalam tahun 2022.

Sejajar dengan perkembangan teknologi pendigitalan yang dinamik, sistem permohonan lesen secara atas talian iaitu Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (i-SPKP) telah dilaksanakan pada akhir tahun 2023 secara berperingkat. Selain itu, LPKP Sarawak turut menganjurkan program Roadshow i-SPKP di tiga (3) lokasi utama iaitu Kuching, Miri dan Sibu pada tahun yang sama. Program tersebut adalah bertujuan untuk memperkenalkan serta mempromosi sistem i-SPKP kepada pelesen kenderaan perdagangan dan seterusnya mendaftar melalui sistem i-SPKP.

Pada tahun 2023, LPKP Sarawak telah menambahbaik empat (4) dasar berkaitan dengan Lesen Teksi dan Kereta Sewa, e-Hailing dan Lesen Luar Kawasan (LK) bagi kenderaan barangan dari Sabah ke Sarawak.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga LPKP Sarawak dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama serta sokongan dalam menjayakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2023. Adalah diharapkan agar semangat dan komitmen yang sama dapat diteruskan serta dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**CORNELIA WONG CHUI
SETIAUSAHA / PENGARAH
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK**

**MAKLUMAT AHLI LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
BAGI TAHUN 2023**

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa keanggotaan Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri dan terdiri daripada anggota berikut:

- Pengerusi;
- Timbalan Pengerusi;
- Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Lengkap Ahli Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2023 adalah seperti di **Lampiran A**.



AHLI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
TAHUN 2023



Norizan Bin Jili
Pengerusi



Masitah Binti Annuar
Setiausaha
(1 Apr 2021 - 30 Okt 2023)



Cornelia Wong Chui
Setiausaha
(15 Dis 2023 - sekarang)



Wan Mohd Ashraf Bin Wan Salleh
Ahli



Y.Bhg. Dato Ir. Alice Jawan Empaling
Ahli



Supt. Bingkok Anak John
Ahli



Liza Juyan Binti Abdullah
Ahli



Erick Anak Jusiang
Ahli Silih Ganti



DSP Matthew Anak Manggi
Ahli Silih Ganti



Dr. Lawrence Tseu Sed Kong
Ahli Silih Ganti



Thomson Anak Jutis
Ahli Silih Ganti

PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa hari bekerja seperti berikut.

PERKARA / <i>SUBJECT</i>	JANGKAMASA / <i>DURATION</i>
1. Permohonan Baru <i>New Application</i>	30 hari
2. Membaharui Permohonan <i>Renewal Of Licence</i>	5 hari
3. Ubah Syarat <i>Amendments Of Licence Terms</i>	5 hari
4. Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru <i>Notification Letter Of New Application Outcome</i>	5 hari
5. Cetakan Lesen <i>Printing Of Licence</i>	3 hari

1. PRESTASI

1.1. PRESTASI KEWANGAN

Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh LPKP Sarawak pada tahun 2023 adalah sebanyak RM3,658,890.61. Jumlah peruntukan berkenaan adalah di bawah Belanja Mengurus, Program Khusus dan *One Off* (B28). Peningkatan peruntukan belanja LPKP Sarawak bagi tahun 2023 adalah disebabkan pengisian 1 jawatan kosong dan kenaikan pangkat 8 orang pegawai dan kakitangan di LPKP Sarawak. Manakala jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima LPKP Sarawak bagi tahun 2022 di bawah Belanja Mengurus dan Program Khusus (B28) sahaja adalah sebanyak RM3,196,067.30.


Peningkatan hasil LPKP Sarawak 2023 sebanyak 38.76 peratus berbanding tahun 2022 adalah kerana pada tahun 2023 terdapat peningkatan mendadak permohonan pembaharuan lesen berbanding tahun 2022. Peningkatan hasil juga adalah bergantung kepada banyaknya jumlah permohonan yang diterima iaitu permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan daripada e-hailing.

Jumlah keseluruhan peruntukan (P28) yang dibelanjakan oleh LPKP Sarawak tahun 2023 adalah sebanyak RM281,538.31. Perbelanjaan tersebut merupakan permohonan tuntutan daripada satu (1) syarikat sahaja iaitu Miri Transport Co. Sdn Bhd yang melibatkan tuntutan bagi bulan Januari 2023 hingga Jun 2023 berjumlah RM110,747.88 serta bulan Jun 2022 hingga Disember 2022 berjumlah RM170,790.43. Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2022 sebanyak RM188,051.51 melibatkan permohonan tuntutan daripada dua (2) syarikat iaitu Sungai Merah Bas Bhd dan Miri Transport Co. Sdn Bhd. Perbelanjaan pada tahun 2022 melibatkan permohonan tuntutan bagi tahun 2021 berjumlah RM67,923.10 dan tahun 2022 berjumlah RM120,128.41.

Ringkasan perbandingan peruntukan, belanja mengurus dan kutipan hasil pada tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN / PERKARA	2022 (RM)	2023 (RM)	PERATUS (%)
Peruntukan B28	3,196,067.30	3,658,890.61	14.48%
Belanja Mengurus B28	3,571,160.79	3,658,890.61	2.46%
Kutipan Hasil	2,500,915.99	3,470,202.40	38.76%
Peruntukan P28	188,134.00	281,538.31	49.65%
Belanja Mengurus P28	188,051.51	281,538.31	49.71%

JADUAL 2



CARTA 1

1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

LPKP Sarawak telah menerima peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Berikut adalah analisis peruntukan, perbelanjaan mengurus sebenar dan jumlah kutipan hasil tahunan bagi LPKP Sarawak bagi lima (5) tahun ke belakang iaitu bermula pada tahun 2019 sehingga tahun 2023 :

	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Peruntukan Diluluskan	7,624,092.00	5,268,332.08	2,767,001.13	3,196,067.30	3,658,890.61
Belanja Mengurus	7,528,794.40	5,263,832.42	2,976,307.63	3,571,160.79	3,658,890.61
Kutipan Hasil	2,114,147.63	2,199,067.25	2,056,969.00	2,500,915.99	3,470,202.40

JADUAL 3



CARTA 2

LPPK Sarawak juga telah melaksanakan **langkah-langkah penjimatan** bagi mengamalkan perbelanjaan berhemah dan optimum peruntukan Kerajaan, seperti berikut :

- i. Kawalan dalaman ke atas arahan kerja lebih masa bagi kerja lebih yang benar-benar penting untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan sahaja, selaras dengan Perkara 3.14 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);
- ii. Pergerakan para pegawai bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi di luar pejabat telah dihadkan dengan minima berdasarkan kompetensi dan keperluan jabatan sahaja. Selain daripada itu, mesyuarat-mesyuarat dalaman berkala telah dijadualkan semula dan menghimpunkan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan penyertaan pegawai yang sama daripada luar ibu pejabat LPPK Sarawak. LPPK Sarawak juga menggunakan kaedah alternatif seperti mesyuarat atas talian secara sidang video bagi mengamalkan langkah-langkah penjimatan peruntukan Kerajaan. Semua perkara ini dilaksanakan selaras dengan Perkara 3.16 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);
- iii. Para pegawai juga digalakkan untuk tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi selaras dengan Perkara 3.17 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam); dan
- iv. Memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, *cartridge* dan sebagainya digunakan dengan optimum bagi mengelakkan pembaziran. Perkongsian peralatan pejabat secara gunasama seperti mesin faks dan mesin fotostat juga telah dilaksanakan

selaras dengan Perkara 3.24 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam).

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

Pada tahun 2023 LPKP Sarawak mengadakan **10 kali** Mesyuarat Lembaga. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membuat keputusan terhadap permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baru, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan. Rekod terperinci mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti di **Lampiran D**.


1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) seperti berikut:

1.4.1 Permohonan Lesen Baru

Sebanyak **3,629** permohonan lesen baharu telah diterima pada tahun 2023 berbanding **2,378** pada tahun 2022 iaitu berlaku peningkatan sebanyak **52.6%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **3,487** permohonan lesen diluluskan pada tahun 2023 berbanding **2,312** pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak **50.8%** permohonan lesen seperti di **Carta 3**. Pengiraan permohonan yang dilakukan ke atas permohonan baharu adalah berdasarkan bilangan unit kenderaan yang dipohon oleh pelesen.

BILANGAN PERMOHONAN BARU BAGI TAHUN 2022 & 2023




CARTA 3

1.4.2 Permohonan Membaharui Lesen

Sepanjang tahun 2023 sebanyak **5,377** permohonan membaharui lesen telah diterima berbanding **6,340** pada tahun 2022, iaitu berlaku penurunan ketara sebanyak **(15.2)%**. Daripada jumlah tersebut **5,323**, permohonan telah diluluskan pada tahun 2023 berbanding **6,003** permohonan bagi tahun 2022, berlaku penurunan sebanyak **(11.3)%** seperti di **Carta 4**.

BILANGAN PERMOHONAN MEMBAHARUI BAGI TAHUN 2022 & 2023




CARTA 4

1.4.3 Permohonan Ubah Syarat Lesen

Sepanjang tahun 2023 sebanyak **4,268** permohonan ubah syarat lesen telah diterima berbanding **3,903** permohonan pada tahun 2022, iaitu berlaku sedikit peningkatan sebanyak **365** permohonan atau **9.4%**. Sebanyak **4,189** permohonan ubah syarat lesen telah diluluskan pada tahun 2023 berbanding **3,785** permohonan bagi tahun sebelumnya, iaitu berlaku peningkatan sebanyak **10.7%** seperti di **Carta 5**.

BILANGAN PERMOHONAN UBAH SYARAT BAGI TAHUN 2022 & 2023



CARTA 5

1.4.4 Cetakan Lesen

Sepanjang tahun 2023 sebanyak **16,001** permohonan cetakan lesen telah diterima di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak berbanding terimaan pada tahun 2022 iaitu berjumlah **10,330** dan 2021 iaitu sebanyak **9,281**, di mana berlaku sedikit peningkatan iaitu sebanyak **54.9%** seperti di **Carta 6**.



CARTA 6

RUMUSAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI, UBAH SYARAT LESEN DAN CETAKAN LESEN

TAHUN 2022 DAN 2023

TAHUN	2022		2023	
JENIS PERMOHONAN	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	2,378	2,312	3,629	3,487
Membaharui	6,340	6,003	5,377	5,323
Ubah Syarat	3,903	3,785	4,268	4,189
Cetakan Lesen	10,330	10,330	16,001	16,001
JUMLAH	22,951	22,430	29,275	29,000


JADUAL 4

RUMUSAN PERMOHONAN MENGIKUT PECAHAN CAWANGAN LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2023

JENIS PERMOHONAN	2023					
	KUCHING		SIBU		MIRI	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
BAHARU/TAMBAHAN	407	377	314	310	647	622
MEMBAHARUI	2,471	2,417	1,204	1,204	1,702	1,702
UBAH SYARAT	2,853	2,774	850	850	565	565
CETAKAN LESEN	11,624	11,624	1,913	1,913	2,464	2,464
JUMLAH	17,355	17,192	4,281	4,277	5,378	5,353

JADUAL 5

RUMUSAN JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT PECAHAN CAWANGAN LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2023



CARTA 7

1.5 RAYUAN

1.5.1. Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Kementerian Pengangkutan Malaysia.

1.5.2. Sepanjang Tahun 2023, LPKP Sarawak tidak menerima permohonan rayuan bagi semua kelas lesen.

1.6 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga **31 Disember 2023**, lesen terkumpul LPKP Sarawak yang merangkumi seluruh Bahagian mengikut pecahan lesen telah mengeluarkan sebanyak **58,646** lesen seperti ditunjukkan di **Jadual 5**.

**KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL MENGIKUT PECAHAN KELAS LESEN
(SEHINGGA 31 DISEMBER 2023)**

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	
Kelas Lesen	Jumlah Lesen	Kelas Lesen	Jumlah Lesen
Pembawa 'A'	42,221	Teksi	1,273
Pembawa 'C'	9,836	Teksi Mewah	16
		Kereta Sewa	618
		Kereta Sewa Pandu	1,205
		Bas Berhenti-Henti	948
		Bas Ekspres	528
		Bas Sekolah	1,279
		Bas Pekerja	704
		Bas Pengantara	15
		LPP (syarikat e-hailing)	3
JUMLAH	52,057	JUMLAH	6,589
JUMLAH			
58,646			

JADUAL 5

Nota Makluman:

- Jumlah pemandu e-hailing yang dengan bilangan EVP yang aktif berjumlah 6,589 orang.
- Syarikat e-hailing yang mempunyai LPP aktif di Sarawak bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:
 - GRABCAR
 - MAXIM
 - ASIARIDE

1.7 PENAMBAHBAIKAN DASAR-DASAR, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN 2023

Sepanjang tahun 2023, LPKP Sarawak telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baharu bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada seperti berikut:

1.7.1 Dasar Lesen Teksi dan Kereta Sewa

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 1/2023 telah bersetuju untuk meluluskan penambahbaikan pada dasar pelantikan Penolong Pemandu bagi Kelas Lesen Teksi dan Kereta Sewa seperti berikut:

- i. Penolong Pemandu yang hendak dilantik adalah secara terbuka iaitu tidak tertakluk kepada ahli keluarga yang terdekat sahaja.
- ii. Penolong Pemandu hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - ☐ Warganegara Malaysia;
 - ☐ Berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak melebihi 63 tahun pada tarikh memohon;
 - ☐ Memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) yang masih berkuatkuasa; dan
 - ☐ Memiliki Lesen Vokasional (PSV) Kelas Lesen Teksi yang masih berkuatkuasa.
- iii. Semua permohonan baharu Penolong Pemandu tidak perlu melalui proses temuduga oleh Urusetia LPKP Sarawak.
- iv. Tempoh sah laku surat kelulusan Penolong Pemandu adalah selama 12 bulan atau selaras dengan tempoh sah laku lesen teksi.

1.7.2 Dasar e-Hailing

Penambahbaikan pada dasar e-Hailing adalah seperti berikut:

- i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 2/2023 telah bersetuju untuk meluluskan pelanjutan had umur untuk beroperasi bagi kenderaan e-hailing daripada 10 tahun kepada 15 tahun di Sarawak.
- ii. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 2 /2023 telah bersetuju untuk meluluskan penambahbaikan kuota minima pemilikan untuk bilangan *e-Hailing Vehicles Permit* (EVP) bagi setiap *e-Hailing Operator* (EHO) daripada 50 unit kepada 100 unit; dan
- iii. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 4 /2023 telah bersetuju untuk meluluskan kenaikan had usia melesenkan kenderaan persendirian e-hailing di Sarawak adalah kurang setahun (-1) dari had usia beroperasi selama 15 tahun bagi kenderaan persendirian e-hailing di Sarawak.

1.7.3 Tempoh sah laku Lesen Luar Kawasan (LK) bagi kenderaan barangan dari Sabah ke Sarawak

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 1/2023 telah bersetuju untuk meluluskan tempoh sah laku Lesen Luar Kawasan (LK) bagi kenderaan barangan dari Sabah ke Sarawak telah dipinda kelulusannya dari setahun kepada tiga (3) bulan. Perubahan ini dibuat bagi tujuan penyelarasan kepada tempoh kelulusan tiga (3) bulan yang diberikan oleh pihak LPKP Sabah kepada kenderaan barangan dari Sarawak ke Sabah sebelum ini.

1.7.4 Kemasukan lori di bawah Kelas Lesen Pembawa A dan C dari Sabah ke Sarawak

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak Bil. 7/2023 telah bersetuju untuk meluluskan kemasukan lori di bawah Kelas Lesen Pembawa A dan C dari Sabah ke Sarawak bagi tempoh setahun dengan syarat lori berkenaan telah dipasang Sistem GPS mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan dan disahkan pemasangan GPSnya oleh pihak LPKP Sabah. Sekiranya, lori berkenaan tidak dipasang Sistem GPS mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan, tempoh kelulusan kemasukannya akan diberi hanya tiga (3) bulan.

1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2023

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2023	20 FEBRUARI 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
2/2023	27 MAC 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
3/2023	17 APRIL 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
4/2023	23 MEI 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
5/2023	22 JUN 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
6/2023	24 JULAI 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
7/2023	4 SEPTEMBER 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
8/2023	2 OKTOBER 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
9/2023	24 OKTOBER 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
10/2023	20 DISEMBER 2023	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK

1.9 PENUTUP

LPKP Sabah dan Sarawak sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian selaras dengan visi dan misi jabatan serta kementerian bagi memenuhi keperluan rakyat serta aspirasi kerajaan Malaysia Madani. LPKP Sabah dan Sarawak juga akan terus berusaha bagi memastikan sistem pengangkutan awam darat dan kenderaan perdagangan akan terus selamat dinikmati, kos efektif serta efisien menerusi pelaksanaan dasar-dasar sedia ada serta dasar-dasar yang baharu diperkenalkan.

LAMPIRAN


LAMPIRAN A

SENARAI AHLI LEMBAGA & AHLI SILIH GANTI LPKP SARAWAK

TAHUN 2023

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK	TARIKH TAMAT
1.	Encik Norizan bin Jili	Pengerusi Sementara	7.2.2023	10.01.2024
2.	Puan Masitah binti Annuar	Setiausaha (LPKP Sarawak)	01.04.2021	30.10.2023
3.	Puan Cornelia Wong Chui	Setiausaha (LPKP Sarawak)	15.12.2023	14.12.2026
4.	Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh	Ahli Lembaga (MOT)	14.2.2022	13.2.2025
5.	Dato Alice Jawan Empaling	Ahli Lembaga (MOTS)	17.6.2023	16.6.2026
6.	Puan Liza Jayub binti Abdullah	Ahli Lembaga (PUSPAKOM)	30.06.2021	20.06.2024
7.	Superintenden Bingkok anak John	Ahli Lembaga (PDRM)	7.10.2022	6.10.2025
8.	Dr Lawrence Tseu Sed Kong	Ahli Silih Ganti (MOTS)	30.6.2023	29.6.2026
9.	Encik Erick anak Jusiang	Ahli Silih Ganti (JPJ)	01.10.2022	30.09.2025
10.	Encik Thomson anak Jutis	Ahli Silih Ganti (PUSPAKOM)	15.3.2022	14.3.2025
11.	DSP Mathew anak Manggie	Ahli Silih Ganti (PDRM)	30.11.2021	01.06.2023

CARTA ORGANISASI LPKP SARAWAK



LAMPIRAN C

**RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN
KEKOSONGAN (JIK) DI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN
PERDAGANGAN SARAWAK**

SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

KATEGORI JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pengurusan & Profesional	12	8	4
Kumpulan Pelaksana I	47	37	10
Kumpulan Pelaksana II	13	10	3
JUMLAH	72	57	17

LAMPIRAN D

**SIRI MESYUARAT LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
TAHUN 2023**

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Bil 1/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Ahli Lembaga) 4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 5. Tuan DSP Mathew anak Manggie (Ahli Silih Ganti) 6. Encik Thomson anak Jutis (Ahli Silih Ganti) 7. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 8. Encik Ho King Foo (Jurutera Awam, JKR Sarawak) 9. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 13. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 14. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 15. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	20 Februari 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
2	Mesyuarat Lembaga Bil 2/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 5. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 6. Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 7. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 8. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 9. Cik Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 10. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	27 Mac 2023
3	Mesyuarat Lembaga Bil 3/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Ahli Lembaga) 4. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 5. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 6. Tuan DSP Mathew anak Manggie (Ahli Silih Ganti)	17 April 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		7. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 8. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 12. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 13. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 14. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	
4	Mesyuarat Lembaga Bil 4/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 5. Tuan DSP Mathew anak Manggie (Ahli Silih Ganti) 6. Encik Maswira bin Mahyidin 7. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 8. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	23 Mei 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		10. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibul) 12. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 13. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 14. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	
5	Mesyuarat Lembaga Bil 5/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Ahli Lembaga) 4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 5. Encik Thomson anak Jutis (Ahli Silih Ganti) 6. ASP Mohd Azlizi bin Razali (PDRM) 7. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 8. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Puan Siti Khairuniza binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibul) 12. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri)	22 Jun 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		13. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 14. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	
6	Mesyuarat Lembaga Bil 6/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 5. DSP Rafhan bin Kepli (Ahli Silih Ganti) 6. Encik Mohamad Syakir bin Abu Bakar (BPD, MOT) 7. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 8. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 10. Cik Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 11. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	24 Julai 2023
7	Mesyuarat Lembaga Bil 7/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga)	

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
	Utama, LPKP Sarawak	4. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Hadir Dalam Talian) 5. DSP Rafhan bin Kepli (Ahli Silih Ganti) 6. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 7. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 8. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 10. Puan Irina binti Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Puan Anawati binti Madian (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	4 September 2023
8	Mesyuarat Lembaga Bil 8/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Tuan Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Ahli Lembaga) 4. DSP Rafhan bin Kepli (Ahli Silih Ganti) 5. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 6. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 7. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 8. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 9. Puan Elizebeth Mayang Thomas	2 Oktober 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		(Urusetia Cawangan Miri) 10. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	
9	Mesyuarat Lembaga Bil 9/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Masitah binti Annuar (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 4. Encik Mohamad Syakir bin Abu Bakar (BPD, MOT) 5. Insp. Anselm Emang (wakil Ahli Silih Ganti PDRM) 6. Encik Wong Teck Chang (wakil Ahli Silih Ganti JPJ) 7. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 8. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 10. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 11. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	24 Oktober 2023
10	Mesyuarat Lembaga Bil 10/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Ahli Lembaga) 4. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Ahli Lembaga) 5. Encik Thomson anak Jutis (Ahli Silih Ganti)	20 Disember 2023

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		6. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong (Ahli Silih Ganti) 7. ASP Hardy Charles (wakil Ahli Silih Ganti PDRM) 8. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 9. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 10. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Anawati binti Madian (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Ibu Pejabat, Kuching

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93400 Kuching, Sarawak
<http://www.lpkpsarawak.gov.my>

Tel: 082-412033
Faks: 082-256757

LPKP Cawangan Sibu

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Sibu
Wisma Persekutuan
Jalan Awang Ramli Amit
96000 Sibu, Sarawak

Tel: 084-343103
Faks: 084-343940

LPKP Cawangan Miri

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Miri
Tingkat Bawah, Blok B
Wisma Persekutuan Fasa II
Jalan Cahaya Lopeng
98000 Miri, Sarawak

Tel : 085-419876
Faks : 085-426285